

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH
WAN ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual dan bilakah tarikh ia akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) telah digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas dengan penyertaan pelbagai pihak daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan serta ahli-ahli akademik. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan atas komitmen dan dedikasi semua pihak yang membantu menyediakan draf RUU AGS ini.

Beberapa sesi libat urus juga telah dan sedang dilaksanakan dengan pihak-pihak yang akan terkesan dengan pelaksanaannya. Draf ini telah melalui beberapa proses perbincangan dan rundingan dengan Jabatan Peguam Negara (AGC). Proses penggubalan rang undang-undang memerlukan semakan silang bersama banyak pihak bagi memastikan segala elemen yang dimasukkan adalah menyeluruh dan

boleh diterima di setiap peringkat di dalam semua sektor di Malaysia bagi melengkapi akta dan peraturan lain berkaitan gangguan seksual yang dinyatakan sebentar tadi.

Sehubungan dengan itu, proses ketekunan wajar, dengan izin, *due diligence* perlu dilaksanakan dengan teliti dan sememangnya memakan masa. Oleh itu, RUU Anti-Gangguan Seksual ini tidak boleh diluluskan semata-mata untuk memenuhi gesaan mana-mana pihak. Proses semakan, penambahbaikan dan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan sedang giat dilaksanakan untuk memurnikan lagi RUU ini sebelum ia dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri seterusnya di Dewan Parlimen yang mulia ini.

Sementara menunggu RUU ini dibentangkan, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui pelbagai Akta dan peraturan lain seperti:

- i. Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- ii. Akta Kerja 1995 [*Akta 265*];
- iii. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993];
- iv. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999; dan
- v. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi kes dalam sektor swasta, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) menguatkuasakan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] dengan mensyaratkan majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual di tempat kerja yang dilaporkan oleh pekerja.

Bagi kes dalam sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

SOALAN NO : 26

untuk kegunaan Pegawai Psikologi atau Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja.

Bagi kes gangguan seksual terhadap kanak-kanak pula, ia turut ditangani secara khusus melalui Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*].

Pada masa yang sama, Kementerian terutamanya melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual supaya dapat mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program telah dilaksanakan oleh JPW bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai perkara ini dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

Sekian, terima kasih.